

CABARAN KOPERASI PENGGUNA DALAM AKTIVITI PERUNCITAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

Norazlan Hasbullah

Mohd Faisal Shariff

Arfizawati Abd Hadi

Ju Samsuddin Safian

Noranita Mohd Nor

RINGKASAN EKSEKUTIF

Koperasi Pengguna boleh ditakrifkan sebagai koperasi yang menjalankan aktiviti kepenggunaan seperti pasar mini, pasaraya, kedai runcit, stesen minyak, kedai alatan rumah dan lain-lain. Koperasi Pengguna yang pertama di Malaysia telah didaftarkan pada tahun 1936 atas nama '*Ulu Langat Malay Cooperative Shop Society*'. Ekoran daripada usaha kerajaan untuk terus memberikan insentif berbentuk kewangan, galakan dan sokongan kepada Koperasi Pengguna, sebanyak 248 buah koperasi telah ditubuhkan pada tahun 1951. Namun apabila bantuan ini dihentikan di awal 1960an, sebanyak 44 buah Koperasi Pengguna telah ditutup. Kegagalan koperasi untuk mengutip hutang juga turut menyumbang ke arah berlakunya perkara ini.

Mengikut data am Koperasi Pengguna Dewasa Di Malaysia yang dikeluarkan oleh SKM pada tahun 2007, terdapat 1212 Koperasi yang menjalankan aktiviti kepenggunaan. Walaubagaimanapun, kebanyakan saiz kedai koperasi di Malaysia adalah berskala kecil dan sederhana ditambah pula kuasa beli koperasi yang rendah. Ini mengakibatkan koperasi tidak mendapat faedah daripada diskaun harga atas belian pukal. Hakikat ini juga memberi kesan di mana sebanyak 184 buah koperasi pengguna telah dibatalkan pendaftarannya setakat 2008. Secara keseluruhannya, walaupun Koperasi Pengguna merupakan antara fungsi terbesar koperasi, namun sumbangannya

dari segi keanggotaan, modal syer, aset dan keuntungan masih lagi rendah berbanding koperasi yang didaftarkan di bawah fungsi lain.

Justeru itu, penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti cabaran, faktor-faktor yang dihadapi oleh Koperasi Pengguna di dalam menjalankan aktiviti peruncitan di Semenanjung Malaysia. Di samping itu, persepsi Koperasi Pengguna juga ditinjau untuk melihat pandangan mereka terhadap prospek dan halatuju di dalam perniagaan runcit yang mereka ceburi di Semenanjung Malaysia. Data Koperasi Pengguna yang dijadikan sampel adalah diambil dari pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) setakat 31 Disember 2009.

Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh semua pihak khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Maktab Kerjasama Malaysia (MKM), agensi – agensi berkaitan serta Gerakan Koperasi sendiri untuk merangka program, polisi dan strategi yang bersesuaian untuk memajukan lagi Koperasi Pengguna di Semenanjung Malaysia.

Kajian tinjauan secara kuantitatif (*quantitative survey*) dan kualitatif ke atas Koperasi Pengguna di Semenanjung Malaysia merupakan kaedah yang dijalankan di dalam penyelidikan ini. Soal selidik telah diedarkan kepada salah seorang daripada ALK yang terdiri daripada Pengerusi, Setiausaha, Bendahari atau Pengerusi Koperasi untuk mendapatkan maklumbalas daripada mereka. Koperasi Pengguna yang terlibat di dalam penyelidikan ini hanyalah Koperasi Pengguna Dewasa dan tidak termasuk koperasi sekolah. Sebelum proses tinjauan dilakukan, komponen di dalam soal selidik dibangunkan berdasarkan maklumbalas hasil dari temubual secara kualitatif atau kajian rintis ke atas Koperasi Pengguna di sekitar Lembah Kelang.

Soal selidik yang dibangunkan mengandungi maklumat berkaitan dengan demografi koperasi, latarbelakang responden serta skala likert untuk menentukan cabaran, faktor kejayaan, prospek serta halatuju koperasi.

Pegawai SKM Wilayah kemudiannya dihubungi untuk mendapatkan pengesahan serta data terkini jumlah sebenar Koperasi Pengguna di negeri masing masing sebelum bancian sebenar dilakukan. Pegawai pegawai ini turut dilantik sebagai pembanci bagi memudahkan urusan mengumpul data bagi kawasan masing masing.

Kaedah penganalisan yang digunakan adalah dengan menggunakan perisian SPSS. Beberapa aspek analisis dijalankan antaranya analisis deskriptif, analisis faktor, ujian min dan sebagainya. Statistik ringkas dan jadual juga digunakan untuk melihat perbandingan jawatan di koperasi dengan ciri-ciri demografi seperti jantina, umur, keturunan, kelulusan tertinggi, tempoh memegang jawatan di koperasi dan bentuk khidmat di koperasi.

Sebanyak 154 buah koperasi atau 52.7% kadar maklumbalas diperolehi serta memenuhi kriteria penyelidikan. Secara keseluruhannya, majoriti responden adalah lelaki (66.9%), berumur lingkungan 41 hingga 50 tahun (27.3%), berketurunan Melayu (93.5%) dan berpendidikan paling tinggi SPM/MCE (35.1%). Didapati juga kadar maklumbalas daripada Setiausaha koperasi(33.1%) lebih tinggi berbanding yang lain dan telah memegang jawatan di koperasi majoritinya selama 5 tahun dan ke bawah secara separuh masa.

Ciri-ciri demografi responden ALK dan Pengurus koperasi juga agak berbeza. Didapati majoriti responden adalah lelaki dan umur memegang jawatan sebagai Pengerusi adalah di antara 41 hingga 50 tahun. Manakala dari sudut tahap pendidikan ALK lebih rendah berbanding Pengurus Koperasi. Dapatan penyelidikan ini juga menunjukkan terlalu sedikit golongan muda yang memegang jawatan sebagai ALK

Koperasi, manakala di dapati juga Pengurus tidak berkhidmat dalam tempoh yang lama di dalam koperasi.

Hasil kajian menunjukkan aktiviti peruncitan yang dijalankan oleh Koperasi Pengguna Dewasa ini lebih kepada kedai runcit (60.5%) dan 59 buah koperasi mempunyai taraf pemilikan milik sendiri. Belum ada lagi koperasi yang menjalankan aktiviti berskala besar seperti Pasaraya Besar (*Hypermarket*) dan hanya segelintir kecil yang mengusahakan pasaraya. Tempoh koperasi menjalankan aktiviti peruncitan majoritinya adalah 5 tahun dan ke bawah. Manakala tempoh koperasi beroperasi pula adalah 21 tahun dan ke atas. Cabaran Koperasi Pengguna Dewasa ini juga turut melibatkan pengumpulan maklumat berkaitan sebab-sebab kakitangan berhenti dan diberhentikan. Antara sebab kakitangan berhenti adalah kerana mendapat kerja di tempat lain dan kakitangan yang mempunyai masalah disiplin merupakan sebab utama mereka diberhentikan.

Cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh Koperasi Pengguna Dewasa adalah (1) Persaingan dari sektor swasta yang menjalankan perniagaan peruncitan; (2) ALK kurang pengetahuan dan kemahiran dalam bidang peruncitan; (3) Saiz kedai koperasi ini yang kecil. Manakala faktor-faktor penting yang akan menyumbang kepada kejayaan aktiviti peruncitan koperasi ialah (1) Memperketatkan kawalan dalaman bagi mengelak berlakunya kebocoran; (2) Aktiviti pemasaran yang berterusan dan berkesan oleh kedai koperasi; (3) Pengurusan kewangan kedai koperasi yang baik. Bagi Halatuju Koperasi Pengguna Dewasa secara keseluruhannya di masa akan datang responden mengharapkan (1) Kerajaan memberi peluang kepada koperasi pengguna untuk mendapatkan lokasi strategik serta kawasan tumpuan utama bagi menjalankan perniagaan; (2) ALK yang dilantik dalam koperasi mestilah berfikiran '*business minded*'; (3) Koperasi akan sentiasa berdaya saing, maju dan tahan di masa akan

datang dengan adanya pemantauan dan sokongan secara berterusan oleh pihak yang bertanggungjawab.

Di bahagian akhir penyelidikan ini, cadangan-cadangan dari responden juga diperolehi untuk mengkaji bagaimana Koperasi Pengguna boleh menjadi lebih berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing di masa hadapan. Responden turut mengemukakan beberapa cadangan yang difikirkan signifikan terutamanya melibatkan sokongan daripada pelbagai pihak antaranya KPDNKK, SKM dan juga gerakan Koperasi Pengguna dalam memastikan gerakan Koperasi Pengguna terus relevan dan terus berjaya.